

Pindaan
halang
Adun
keluar
parti

SHAH ALAM, Selasa —
Ramai **Ahli Dewan Un-**
dangan Negeri (Adun)
parti pembangkang,
khususnya Semangat 46
di Kelantan yang ingin
menyertai Umno tidak
dapat berbuat demikian
kerana pindaan un-
dang-undang negeri
menghalang tindakan
mereka. kata **Perdana**
Menteri, Datuk Seri Dr.
Mahathir Mohamad.

—**"Saya percaya, ramai**
Adun parti pembangkang
yang ingin menyertai
Umno tetapi tidak boleh
kerana Kerajaan Negeri
Kelantan membuat undang-
undang menyekat me-
reka sehingga tidak
bebas lagi.

"Maka itu, boleh dika-
takan demokrasi sudah
disekat **di Kelantan.**"
katanya kepada pembe-
rita selepas merasmikan
Hari Peladang, Penternak
dan **Nelayan, di sini hari ini.**

Sebaliknya, beliau be-
rata, Kerajaan **Pusat**
membenarkan mana-
mana pihak menyertai
sebarang **parti** pilihannya,
termasuk 'melompat'
tanpa sekatan undang-undang.